



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**IDENTITI TEMPAT PELANCONGAN BAGI BANDAR-BANDAR KECIL
LAMA: KAJIAN KES TELUK INTAN DAN BATU GAJAH**

MOHD NASUHAIREE BIN ABDULL MANAF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka identiti tempat pelancongan bagi dua buah bandar kecil lama yang terletak di Teluk Intan dan Batu Gajah, Perak. Di antara lokasi pelancongan Kellie's Castle dan Menara Condong Teluk Intan dipilih sebagai pusat lokasi pengumpulan data primer dalam kalangan pelancong tempatan. Seramai 250 orang responden di Batu Gajah dan 170 orang di Teluk Intan dipilih sebagai sampel kajian. Responden ditemu bual bertujuan untuk mendapatkan pandangan berkaitan identiti bagi kedua-dua lokasi pelancongan. Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dan temu bual ringkas dianalisis secara deskriptif menggunakan min, jadual silang dan Khi Kuasa Dua untuk memahami identiti tempat pelancongan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa identiti tempat pelancongan di Teluk Intan dan Batu Gajah dikenal pasti sebagai ikon warisan sejarah berbanding dengan ikon pelancongan moden. Walau bagaimanapun, jika strategi perancangan pelancongan tidak konsisten dengan identiti pelancongan yang telah wujud, ia akan menyebabkan berlaku kekeliruan dan kerosakan ikon identiti di destinasi pelancongan. Oleh itu, ikon pelancongan di bandar kecil lama ini perlu diurus dengan teliti untuk memelihara identiti di kawasan pelancongan.





IDENTITY OF TOURIST DESTINATIONS IN OLD SMALL TOWN: CASE STUDIES ON TELUK INTAN AND BATU GAJAH

ABSTRACT

This study aims to explore the identities of the tourist destinations in two old small towns which are located in Teluk Intan and Batu Gajah, Perak. Among the tourist destinations, Kellie's Castle and Teluk Intan Leaning Tower have been selected as the sites to collect the primary data from local tourists. A total of 250 respondents in Batu Gajah and 170 respondents in Teluk Intan was selected as samples. They were interviewed to obtain their opinions of identities of the tourist destinations. The data obtained from questionnaires and interviews were analyzed descriptively using mean, crosstabs and chi-square to understand the identities of these tourism destinations. The findings found that both images of Teluk Intan and Batu Gajah have been recognized as historical heritage icons rather than modern tourism icons. However, if the tourism planning strategies are not consistent with the existing tourism identity, this may cause confusion which also can destruct the identity of these places. Therefore, the tourism icons in these small towns should be managed meticulously to protect their identities.



SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	12
1.3	Persoalan Kajian	14
1.4	Rangka Kerja Konsep, Orientasi dan Skop Kajian	15
1.5	Matlamat dan Objektif Kajian	19
1.6	Andaian Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	21
1.8	Organisasi Penulisan Tesis	23

BAB 2 KEPENTINGAN IKON DAN IDENTITI TEMPAT DALAM SEKTOR PELANCONGAN: SATU SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Definisi Konsep	26

2.2.1	Pelancongan	26
2.2.2	Pelancong Domestik	32
2.2.3	Pelancong Warisan	32
2.2.4	Tempat dan Identiti Tempat	34
2.2.5	Imej	38
2.2.6	Ikon	41
2.3	Sejarah Pelancongan Bandar Sejarah dan Warisan	42
2.4	Peranan Imej dalam Sektor Pelancongan	43
2.4.1	Kepentingan Imaginasi dalam Pelancongan	44
2.5	Keperluan dan Kepentingan Identiti Tempat dalam Sektor Pelancongan	47
2.6	Kesimpulan	49

3.1	Pengenalan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	52
3.2.1	Pendekatan Kajian	52
3.3	Keperluan Data	56
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	57
3.4.1	Data Primer	59
3.4.2	Data Sekunder	61
3.5	Penentuan Populasi dan Saiz Sampel	62
3.6	Kaedah Pemilihan Responden	63
3.7	Instrumen Kajian	64
3.8	Kesahan Borang Soal Selidik	68

3.9	Kajian Rintis	68
3.10	Analisis Data	70
3.11	Latar Belakang Kawasan Kajian	72
3.11.1	Teluk Intan	74
3.11.2	Batu Gajah	79
3.12	Kesimpulan	87

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	88
4.2	Dapatan Kajian	89
4.2.1	Latar Belakang Responden	90
4.2.2	Maklumat Lawatan Responden	100
4.2.3	Pandangan Responden Berkaitan dengan Lokasi Kajian Beridentitikan Ikon Sejarah dan Warisan	109
4.2.4	Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan	113
4.2.5	Analisis Persepsi Pelancong terhadap Ikon Pelancongan di Teluk Intan dan Batu Gajah	122
4.2.6	Ujian Khi Kuasa Dua Kebebasan	126
4.3	Impak Kepenggunaan Tempat terhadap Menara Condong Teluk Intan dan Kellie's Castle	130
4.4	Kesimpulan	135

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	137
5.2	Rumusan Kajian	138
5.3	Cadangan Dalaman	141



5.3.1	Pengurusan Pembangunan	141
5.3.2	Pemuliharaan dan Pemeliharaan Ikon Sejarah dan Warisan	143
5.3.3	Pembangunan Lestari	144
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	147
5.5	Kesimpulan	147
RUJUKAN		149
LAMPIRAN		159



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Produk Pelancongan Mengikut Kategori	31
3.1	Data Sekunder	62
3.2	Kerangka Borang Soal Selidik	67
3.3	Ujian Cronbach's Alpha	69
3.4	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	69
3.5	Kaedah Analisis Data bagi Setiap Objektif	71
3.6	Ikon Pelancongan di Teluk Intan	77
3.7	Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur bagi Teluk Intan, 2010	78
3.8	Ikon Pelancongan di Batu Gajah	82
3.9	Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur bagi Batu Gajah, 2010	85
4.1	Jadual Silang Lokasi dengan Bangsa Responden	91
4.2	Jadual Silang Jantina Responden Kajian Mengikut Lokasi	91
4.3	Jadual Silang Taraf Perkahwinan Responden Mengikut Lokasi	92
4.4	Jadual Silang Umur Responden Mengikut Lokasi	93
4.5	Jadual Silang Taraf Pendidikan Responden Mengikut Lokasi	94
4.6	Jadual Silang Pekerjaan Utama Responden Mengikut Lokasi	96
4.7	Jadual Silang Jumlah Pendapatan Responden Kajian Mengikut Lokasi	96
4.8	Jadual Silang Negeri Asal Responden Mengikut Lokasi	98
4.9	Jadual Silang Kekerapan Lawatan Responden Mengikut Lokasi	100



4.10	Jadual Silang Mod Kedatangan Responden Mengikut Lokasi	101
4.11	Jadual Silang Masa yang dihabiskan oleh Responden Mengikut Lokasi	103
4.12	Jadual Silang Dorongan Responden Datang ke Lokasi Pelancongan Mengikut Lokasi	103
4.13	Jadual Silang Tujuan Lawatan Responden Mengikut Lokasi Kajian	106
4.14	Jadual Silang Faktor-faktor Mempengaruhi Pemilihan Lokasi Pelancongan Mengikut Lokasi	106
4.15	Jadual Silang Sumber Maklumat yang dirujuk oleh Responden Mengikut Lokasi	107
4.16	Jadual Silang Perkaitan Kekerapan Responden Berkunjung ke Lokasi Kajian dengan Tujuan Lawatan	107
4.17	Jadual Silang Jenis Pengangkutan Responden Mengikut Lokasi	108
4.18	Jadual Silang Pandangan Responden Berkaitan Lokasi Beridentitikan Sejarah dan Warisan	109
4.19	Jadual Silang Pandangan Responden Terhadap Lokasi Kajian sebagai Destinasi Pelancongan Berteraskan Sejarah dan Warisan Mengikut Lokasi	110
4.20	Jadual Silang Alasan Responden Berpandangan Lokasi Kajian Mempunyai Ikon Sejarah Mengikut Lokasi	111
4.21	Jadual Silang Alasan Mengapa Responden Berpendapat Lokasi Kajian Mempunyai Ikon Sejarah Mengikut Lokasi	112
4.22	Jadual Silang Lokasi Pelancongan Mengingatnkan Tentang Sejarah Tempat Mengikut Lokasi	113
4.23	Taraf Pendidikan Responden	114
4.24	Jenis Pekerjaan Responden	115
4.25	Pendapatan Bulanan Isi Rumah Responden	116
4.26	Kekerapan Lawatan Responden ke Lokasi Kajian	117

4.27	Mod Lawatan Responden ke Lokasi Kajian	117
4.28	Tempoh Masa yang dihabiskan oleh Responden di Lokasi	118
4.29	Pendorong Responden ke Lokasi	118
4.30	Tujuan Responden Melancong ke Lokasi Kajian	119
4.31	Faktor-faktor Pemilihan Lokasi dalam Kalangan Responden	119
4.32	Sumber Maklumat Utama Responden Kajian	120
4.33	Jenis Pengangkutan yang digunakan oleh Responden ke Lokasi	121
4.34	Alasan Responden Menganggap Lokasi Kajian Sebagai Beridentitikan Sejarah dan Warisan	122
4.35	Nilai Min bagi Persepsi Responden Terhadap Kedua-dua Lokasi Menonjol dengan Ikon Pelancongan Berteraskan Sejarah dan Warisan atau Moden	123
4.36	Ikon Sejarah dan Warisan Sebagai Identiti Tempat Pelancongan bagi Teluk Intan dan Batu Gajah	124
4.37	Nilai Min Item Pembangunan Memberi Kesan Terhadap Identiti Tempat Pelancongan	125
4.38	Cabaran dan Potensi dalam Mempertingkatkan Pelancongan Beridentitikan Sejarah dan Warisan	126
4.39	Hubungan Taraf Pendapatan Responden Mempengaruhi Kekerapan Lawatan ke Lokasi	127
4.40	Hubungan Taraf Perkahwinan Responden Mempengaruhi Kekerapan Lawatan Responden	128
4.41	Hubungan Latar Belakang Pendidikan Responden Mempengaruhi Pandangan Terhadap Lokasi Pelancongan Berasaskan Sejarah dan Warisan	129
4.42	Hubungan Jantina Responden dengan Tempoh Masa yang diluankan di Lokasi Pelancongan	129

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.2	Ikon Pelancongan Mengikut Kawasan di Negeri Perak	18
2.1	Proses Mengenal Identiti	36
3.1	Pendekatan Kajian	54
3.2	Aktiviti dan Kaedah Kajian	58
3.3	Kawasan Kajian	73
3.4	Menara Condong Teluk Intan	76
3.5	Kellie's Castle Batu Gajah	81
3.6	Peta Produk Pelancongan Sekitar Batu Gajah	82
3.7	Bandar Kecil dan Tempat Kutipan Data Primer	86
4.1	Peta Aliran menunjukkan Tempat Tinggal Responden Kini	99
4.2	Medan Pengaruh Kellie's Castle dan Menara Condong Teluk Intan	131
4.3	Medan Pengaruh Kellie's Castle dan Menara Condong Teluk Intan mengikut Tempat Tinggal Terkini Responden	132



SENARAI SINGKATAN

FELCRA	<i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
FIREB	<i>Finance, Insurance & Business</i>
GIS	<i>Geography Information System</i>
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IPTA/IPTS	Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta
JPBD	Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MARA	Majlis Amarah Rakyat
MPTI	Majlis Pembandaran Teluk Intan
MDBG	Majlis Daerah Batu Gajah
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
P&P	Penyelidikan dan Pembangunan
PPA	Peningkatan Pelaburan Asing
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
RM	Ringgit Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TMM	Tahun Melawat Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UiTM	Universiti Teknologi MARA





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian



Semenjak tahun 2000, sektor pelancongan merupakan sektor penyumbang kedua terbesar di Malaysia selepas sektor pembuatan (Tourism Malaysia, 2003; Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016). Sektor ini terbukti berupaya meningkatkan kesan pengganda dan mempengaruhi kemajuan ekonomi sesebuah negara terutamanya melalui kewujudan pelbagai peluang pekerjaan yang seterusnya meningkatkan tahap pendapatan dalam kalangan masyarakat. Sektor pelancongan juga mampu menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) dalam bidang pelancongan, peningkatan pelaburan asing (PPA) dalam negara dan membantu perkembangan sektor-sektor berkaitan seperti sektor perhotelan, pengangkutan serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS) (Delibasics et al., 2008 seperti dirujuk oleh Hamzah et al., 2013).





Di peringkat dunia, sektor pelancongan terbukti memainkan peranan penting dalam menjana pendapatan utama sesebuah negara dan berjaya melonjakkan kedudukan negara berkenaan pada peringkat global (Ritchie & Geoffrey, 2003; Goeldner & Ritchie, 2006; Badaruddin, 2008). Sektor pelancongan dijangkakan akan menyumbang sebanyak 10% daripada jumlah komposisi pekerjaan dunia dan 11% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sementara hasil pengeluaran yang diperoleh melalui sektor pelancongan dunia dijangkakan meningkat kepada 1.8 bilion menjelang tahun 2020 (Badaruddin, 2008).

Pembangunan sektor pelancongan di Malaysia diberikan tumpuan pada masa ini meskipun hakikatnya ianya telah bermula semenjak tahun 1960-an (Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016). Pada tahun 1960-an, usaha untuk memajukan sektor pelancongan kurang dititikberatkan kerana tumpuan lebih kepada penyediaan infrastruktur asas dan pembangunan sektor pertanian sebagai peneraju utama ekonomi negara (Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985). Hal ini berlaku kerana, pada ketika itu sektor pertanian dan perkhidmatan awam lebih diperlukan dan kritikal terutamanya selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Oleh sebab itu, sektor pelancongan negara pada ketika itu kurang berkembang berbanding dengan apa yang dicapai pada masa kini.

Bermula dengan Rancangan Malaysia Keempat (RMKe-4), sektor pelancongan diberikan penekanan dan pelbagai usaha dilakukan bagi mengembangkan sektor ini agar setanding dengan produk pelancongan dari negara luar (Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985). Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), sektor pelancongan Malaysia telah menunjukkan peningkatan pertumbuhan kehadiran





pelancong antarabangsa dan tempatan yang memberangsangkan iaitu sumbangan bersih pelancong menunjukkan peningkatan daripada RM11.2 bilion kepada RM18 bilion pada tahun 2005 (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010).

Kehadiran para pelancong terutamanya pelancong antarabangsa dijangka akan meningkat untuk tahun-tahun berikutnya kesan daripada kerancakan kempen melancong ke Malaysia oleh Kerajaan Malaysia melalui pelbagai promosi. Pada tahun 1990, kerajaan telah melancarkan kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) dengan menunjukkan ketibaan pelancong antarabangsa yang berjumlah 7.4 juta orang dan RM4.5 bilion perolehan daripada pelancong dan mengalami peningkatan pada tahun 2008 sebanyak 22 juta orang dengan perolehan sebanyak RM49.6 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 2010 dengan ketibaan pelancong ke Malaysia sebanyak 26.6 bilion orang dengan perolehan sebanyak RM56.5 bilion (UNTWO, 2010a). Pada tahun 2003 pula mencatatkan ketibaan pelancong di Malaysia berjumlah 10.6 juta orang dengan perolehan iaitu RM21.3 bilion manakala pada tahun 2004 mencatatkan ketibaan pelancong menunjukkan peningkatan iaitu 15.6 juta orang dengan perolehan sebanyak RM29.1 bilion (Kementerian Kewangan Malaysia, 2004; Kementerian Pelancongan Malaysia, 2005).

Sementara melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), peruntukan yang lebih besar dilakukan oleh kerajaan dalam membangunkan sektor pelancongan di negara ini. Langkah kerajaan Malaysia memperlihatkan betapa optimis dan seriusnya pihak kerajaan untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai medium utama dalam meningkatkan ekonomi negara (Lee & Siti Suriani, 2010).





Kemajuan pesat yang dialami oleh sektor pelancongan mula menampakkan impak positif daripada tahun ke tahun kerana sektor ini merupakan medium bagi menarik pelancong dari luar negara untuk melancong ke Malaysia. Pelancong antarabangsa boleh menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama untuk melancong kerana sektor ini telah menjanjikan pelbagai pilihan tempat pelancongan yang menarik dan mampu memberikan pengalaman yang berbeza. Apabila berkunjung ke Malaysia, para pelancong akan memperoleh pengalaman melalui penerokaan produk pelancongan seperti keunikan hutan lipur yang kaya dengan pelbagai khazanah flora dan fauna, tempat-tempat bersejarah, keindahan pantai dan air terjun, pusat membeli-belah serta keunikan budaya pelbagai etnik yang terdapat di negara ini sebagai antara daya tarikan utama pelancong (Mohd. Anuar, 2009 & Dani, 2000).



Pembangunan pesat sektor pelancongan di Malaysia kesan daripada penglibatan pihak kerajaan dan swasta sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penglibatan ini dapat meningkatkan kemudahan infrastruktur pelancongan, merupakan insentif bagi menggalakkan sektor swasta terlibat dalam sektor pelancongan di samping kempen-kempen bagi menarik minat pelancong melancong ke Malaysia. Kempen yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Kebudayaan antaranya ialah kempen “Cut-i-cut-i Malaysia” sempena Tahun Melawat Malaysia (Badaruddin, 2005; Redzuan & Norlida, 2006 dalam Wan Suzita et al., 2012). Kemudian, kementerian ini ditukar kepada Kementerian Pelancongan Malaysia dan sehingga kini telah melancarkan kempen yang terbaru bagi memastikan Malaysia menjadi destinasi pelancongan yang utama (Kementerian Pelancongan Malaysia dan Kebudayaan Malaysia, 2014). Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), kerajaan menyasarkan untuk mencapai seramai 36 juta ketibaan pelancong antarabangsa dengan





penerimaan sebanyak RM168 bilion menjelang tahun 2020 (Pelan Hala Tuju Program Transformasi Ekonomi, 2012).

Ekoran daripada itu, sektor pelancongan di Malaysia menunjukkan peningkatan ketibaan pelancong pada tahun 2010 iaitu seramai 20 juta orang dengan menyumbang pendapatan negara sebanyak RM50 bilion. Ketibaan pelancong di Malaysia dari tahun 2001 hingga tahun 2002 menunjukkan peningkatan ketibaan pelancong dan mengalami penurunan sedikit ketibaan pelancong pada tahun 2003. Pada tahun 2001, ketibaan pelancong di Malaysia adalah sebanyak 12.78 juta orang manakala pada tahun 2002 mencatatkan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 13.29 juta orang dan menurun sedikit pada tahun 2003 iaitu sebanyak 10.5 juta orang. Peningkatan semula ketibaan pelancong di Malaysia pada tahun 2004 dan 2005 iaitu pada tahun 2004 mencatatkan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 15.70 juta orang dan tahun 2005 pula mencatatkan jumlah ketibaan pelancong yang berjumlah 16.7 juta pelancong (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2014). Selain itu, pelancong domestik juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pertumbuhan sektor pelancongan negara. Pada tahun 2011 menunjukkan perbelanjaan pelancong Malaysia meningkat kepada RM117.7 bilion lebih tinggi daripada tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM104.1 bilion (Berita Harian, 2013).

Meskipun jumlah pelancong yang berkunjung ke sesebuah lokasi pelancongan di Malaysia meningkat, namun timbul tanda tanya berkaitan dengan status kunjungan pelancong tempatan ke lokasi pelancongan yang terdapat di bandar-bandar kecil lama di Malaysia. Adakah lokasi pelancongan di bandar-bandar kecil lama ini juga menjadi





pilihan dalam kalangan pelancong tempatan? Apakah tarikan ikon pelancongan yang menjadi motivasi kepada pelancong tempatan untuk melancong?

Persoalan ini perlu dijawab dalam penyelidikan ini kerana bandar kecil lama juga mempunyai produk pelancongan yang tidak kurang hebat terutamanya berasaskan sejarah dan warisan dan turut menerima pengaruh globalisasi selari dengan apa yang diterima oleh lokasi pelancongan yang terdapat di bandar besar. Kesan pengaruh globalisasi yang diterima oleh sesebuah lokasi pelancongan akan menyebabkan produk pelancongan perlu dipelihara dan dipulihara seperti mana produk asal agar ketulenannya terjaga di samping ditambah nilai selaras dengan minat dan kemahuan pelancong semasa.



Hal ini selaras dengan komposisi ekonomi dan sosial di bandar-bandar utama dunia yang mula mengalami perubahan sejak dua dekad lalu kesan daripada proses globalisasi, de-industrialisasi dan aktiviti berasaskan sektor perkhidmatan. Perubahan yang dialami oleh bandar-bandar besar tersebut merupakan satu cabaran hebat yang mana peranan bandar sebelum ini tertumpu kepada pusat kegiatan ekonomi, sosial dan politik. Kesan penstrukturan dan penjenamaan semula bandar tersebut telah melonjakkan peranan bandar sehingga menjadi bandar pelancongan yang mempunyai ikon atau identiti yang tersendiri.

Pada masa ini, arus globalisasi menjadikan setiap peringkat bandar perlu bersaing untuk mengejar kedudukan. Justeru itu, langkah melakukan pertumbuhan semula bandar lama khususnya melalui pendekatan pembangunan baharu yang boleh mempengaruhi status sesebuah bandar adalah perlu bagi memastikan fungsi bandar berada pada





kedudukan yang sepatutnya (Tamara & G'Abor, 2008). Pendekatan pembangunan baharu telah mengambil tempat dalam arena pertumbuhan dan perkembangan bandar di seluruh dunia termasuklah bandar lama bersaiz kecil. Pendekatan pembangunan baharu dikaitkan dengan peranan yang boleh dimainkan oleh sektor pelancongan khususnya kegiatan pelancongan yang boleh memberi kesan positif kepada komuniti. Pertumbuhan semula peranan pelancongan dan kebudayaan penting dalam mentransformasikan ruang lama '*old spaces*' kepada tempat baharu '*new places*' (Tamara, & G' Abor, 2008). Pertumbuhan semula bandar lama ini penting untuk mengembalikan semula kekuatan dan status bandar tersebut yang cukup terkenal pada masa dahulu. Ini kerana tarikan tempat sebagai bandar lama boleh dipakejkan semula sebagai destinasi pelancongan berasaskan identiti atau ikon tertentu misalnya jika sesebuah kawasan pelancongan itu mempunyai ikon pelancongan berteraskan ikon sejarah dan warisan. Ia boleh dipakejkan lebih giat lagi dalam memperkenalkan kawasan pelancongan tersebut sebagai pelancongan sejarah dan warisan atau sebaliknya. Penentu tema ini bergantung kepada ikon pelancongan yang mana lebih dominan sebagai identiti tempat dalam sektor pelancongan. Dengan kata lain, langkah memberi nilai tambah dan membuat modifikasi terhadap produk pelancongan sedia ada perlu dilakukan demi memastikan kelestarian produk di lokasi pelancongan berkekalan dan dikunjungi oleh ramai pelancong pada masa akan datang.

Pendekatan pembangunan baharu yang dikaitkan dengan peranan sektor pelancongan boleh diperluaskan di pelbagai peringkat bandar di Malaysia termasuklah di bandar kecil lama. Ini kerana, bandar kecil lama turut mengalami proses transformasi komposisi ekonomi dan sosial seperti mana berlaku di bandar-bandar besar yang lain. Dalam konteks definisi, bandar kecil merujuk kepada kawasan yang mempunyai jumlah





penduduk bersaiz di bawah 30,000 orang (Katiman, 2001). Bandar kecil ini merupakan kawasan penempatan paling penting kepada kawasan luar bandar. Dalam konteks kajian ini pula, bandar kecil lama didefinisikan sebagai sebuah bandar yang dibuka pada zaman pemerintahan penjajah dan kekal bersaiz kecil dengan peranan dan fungsinya yang terhad sehingga ke hari ini. Di Malaysia, terdapat banyak contoh bandar kecil lama yang suatu ketika dahulu memainkan peranan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang utama khususnya sebagai tempat pengeluaran bijih timah yang terkenal di peringkat dunia. Kewujudan bandar kecil boleh dikategorikan mengikut asas pembentukannya pada peringkat awal dahulu. Bagi negeri Perak, pembentukan bandar kecil seperti Bidor, Tapah dan Tanjong Malim pada asasnya adalah daripada elemen tradisional dan sejarah. Sementara asas pembentukan bandar seperti Tanjung Tualang, Kampar, Teluk Intan, Batu Gajah dan Taiping ialah daripada aktiviti yang berkaitan dengan perlombongan bijih timah yang seterusnya dikenali pada hari ini sebagai tempat pelancongan yang kaya dengan elemen sejarah dan warisan dalam kalangan pelancong tempatan.

Kesan pengeksploitasian kawasan yang kaya dengan pelbagai sumber asli misalnya bijih timah telah menyebabkan wujudnya bandar-bandar yang ada sehingga ke hari ini. Namun, malangnya bandar tersebut sudah tidak 'gah' seperti dahulu dan banyak bandar 'lumpuh' sehingga termasuk dalam kategori 'bandar mati'. Sedangkan peranan yang dimainkan oleh bandar kecil perlu lebih berkesan agar selari dengan tahap pembangunan negara. Berdasarkan kepada Laporan Rancangan Fizikal Negara (2005), terdapat 75 buah bandar kecil dan pertengahan di Malaysia pada tahun 2000. Pengukuhan aktiviti ekonomi berdasarkan tumpuan kepada sektor tertentu perlu dilakukan kerana bandar kecil juga berupaya menggerakkan perkembangan dan meningkatkan tahap pembangunan kawasan. Oleh itu, bandar kecil lama ini perlu diberi





nafas baharu dengan cara membuat nilai tambah atau modifikasi terhadap produk di destinasi pelancongan yang mempunyai elemen sejarah dan warisan. Langkah ini bertujuan mengembalikan ingatan dan kegemilangan bandar tersebut seperti yang pernah dicapai suatu ketika dahulu.

Pertumbuhan semula bandar lama ini penting sebagai satu tindak balas kepada penyusunan semula ekonomi kesan daripada pengaruh globalisasi yang wajib dilaksanakan agar kedudukannya dalam arena persaingan lokasi pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong berlaku secara seimbang. Perkara ini penting dilakukan kerana perbincangan ke atas tindak balas dasar bandar untuk penyusunan semula ekonomi, de-industrialisasi, penutupan loji utama dan peningkatan perkhidmatan dan ekonomi berasaskan pengetahuan telah berlaku sejak 20 tahun yang lalu (Evans, & McDonald, 2011). Pada masa yang sama, kesan sosio-ruangan daripada penyusunan semula ekonomi ini telah mengakibatkan satu tindak balas dasar yang telah diambil menunjukkan pendekatan yang tidak seimbang seterusnya mewujudkan satu jurang ekonomi yang begitu ketara di antara bandar kecil dan bandar besar (Evans, & McDonald, 2011).

Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negara ini yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu telah dijajah oleh kuasa Barat yang mempunyai kepentingan dan agenda bagi meluaskan pengaruh mereka. Di samping itu, kedatangan British juga adalah untuk menguasai dan mengeksploitasi kekayaan sumber asli yang terdapat di Tanah Melayu ketika itu seperti bijih timah, rempah ratus, sumber hutan dan getah. Penjajahan British terhadap Tanah Melayu telah banyak memberi impak kepada negara ini kerana banyak kawasan yang kaya dengan sumber asli telah





diteroka dan dibangunkan terutamanya di kawasan yang berpotensi seperti di kawasan yang mempunyai sumber bijih timah, penanaman getah dan sumber hutan. Banyak kawasan yang berpotensi ini telah diteroka dan dibangunkan dengan pelbagai pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, jalan keretapi, pembinaan petempatan serta kilang-kilang pemprosesan bahan mentah amnya kilang pemprosesan getah dan kelapa sawit. Kepesatan pembangunan di kawasan yang dahulunya adalah kawasan yang dianggap terpencil dan tidak membangun telah mengalami transformasi dari kawasan kampung kepada bandar-bandar kecil hinggalah wujudnya bandar-bandar besar yang terkenal seperti mana yang dapat dilihat pada masa ini. Bandar-bandar ini dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur dan terus membangun kesan daripada kewujudan sumber asli di kawasan tersebut. Transformasi yang dialami oleh sesebuah kawasan yang dahulunya terpencil telah berubah kepada kawasan membangun memberi gambaran bahawa pertumbuhan ekonomi yang rancak dibangunkan dan ia turut disertai oleh perubahan struktur sosial, ekonomi dan politik (Norlaila & Razak, 2004; Hamzah et al., 2013).

Pemodenan yang dialami oleh Malaysia selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 giat dilakukan bagi setiap bandar-bandar di negara ini. Secara amnya, proses pemodenan telah mengubah pelbagai landskap fizikal dan budaya yang memberi pelbagai kesan positif kepada penduduk yang tinggal di kawasan tersebut. Transformasi besar-besaran bandar di Malaysia berlaku sejak tahun 1980-an iaitu pada era pemerintahan Perdana Menteri Malaysia Keempat, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mana perubahan dalam pembangunan infrastruktur yang moden selaras dengan harapan beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Demi menjayakan 'Wawasan 2020' dengan hasrat menjadikan





Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain kemajuan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial perlu dipertingkatkan. Oleh itu, strategi perubahan dalam memajukan negara dirangka dengan usaha memajukan bandar-bandar kecil kepada bandar yang mempunyai fungsi lebih pelbagai demi memenuhi keperluan asas penduduk dan selari dengan arus perubahan semasa.

Meskipun begitu, perubahan strategi pembangunan tanpa perancangan yang rapi dengan pelbagai fungsi bandar yang moden dibimbangi akan menghilangkan ikon-ikon yang beridentitikan sejarah atau warisan. Ikon-ikon sejarah dan warisan di bandar kecil lama telah wujud sejak dahulu lagi sama ada akibat penerokaan sumber tempatan semasa penjajahan British atau pembangunan kawasan demi keperluan warga pada masa itu. Terdapat banyak bangunan lama dan monumen-monumen penting yang dibina di bandar-bandar kecil lama hasil tinggalan sejarah yang menjadi identiti dan ikon bagi kawasan ini. Ikon sejarah dan warisan ini menjadi identiti tempat pelancongan yang amat bernilai dan memberi makna dan pengertian mendalam bagi kawasan tersebut. Ikon ini dikenali terutamanya dalam kalangan para pelancong tempatan sebagai lokasi pelancongan untuk dilawati dan dihayati.

Kewujudan pembangunan moden tanpa kawalan seperti pembinaan pusat membeli-belah, rangkaian rumah kedai, pejabat, restoran dan sebagainya akan menghilangkan perasaan pada tempat (*placelessness*) dan identiti tempat sebagai ikon sejarah dan warisan (Hidalgo & Hernández, 2001). Kewujudan dua identiti tempat berasaskan identiti sejarah dan warisan atau identiti moden hendaklah diseimbangkan dengan pembangunan moden tanpa memusnahkan ikon yang asal yang terkenal dengan ikon sejarah dan warisan agar kedua-dua aspek ini dapat dipromosikan sebagai tarikan





pelancongan. Di samping itu, kedua-dua aspek ini penting bagi mengenal pasti ikon yang paling dominan atau unik bagi sesebuah kawasan tersebut dikenali di samping membezakan ciri-ciri keunikan serta kelainan yang ada berbanding di kawasan yang lain yang menjadi identiti tempat pelancongan. Ia penting untuk menarik minat para pelancong sama ada pelancong antarabangsa mahupun pelancong tempatan dalam mempromosikan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan yang menarik untuk dilawati bagi melihat dan mengetahui sejarah kawasan tersebut sama ada keunikan beridentitikan sejarah dan warisan atau moden.

1.2 Penyataan Masalah



Identiti tempat penting bagi sesebuah kawasan pelancongan kerana ia akan menonjolkan keunikan dan kelainan sesebuah kawasan berdasarkan kepada ikon tertentu. Oleh itu, ikon pelancongan bagi sesuatu kawasan perlu ditentukan terlebih dahulu sebelum menentukan identiti tempat yang paling dominan sebagai strategi promosi daya saing tempat pelancongan. Penentuan identiti tempat melalui ikon pelancongan yang terdapat di sesebuah kawasan perlu dilakukan kerana kesan pembangunan di bandar yang pesat akan menghakis dan mengubah identiti tempat di kawasan tersebut secara perlahan-lahan. Timbul tanda tanya apakah usaha yang dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara dan memastikan aktiviti pembangunan mengekalkan identiti tempat daripada terancam di bandar tersebut? Kebanyakan kajian berkaitan penjanaan atau pertumbuhan semula bandar yang dijalankan sebelum ini menjurus kepada penilaian tentang keberkesanan polisi dan aplikasi yang telah

